

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan maklumat utama mengenai Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia sangat membantu, maka anda juga digalakkan untuk membacanya.

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN PELANCONGAN PENJANA (PTF)?

- Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) adalah program pembiayaan yang direka untuk menyokong pemulihan dan pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor berkaitan pelancongan. Program ini bertujuan membantu PKS mengekalkan keupayaan operasi mereka serta menyediakan pembiayaan yang diperlukan bagi membolehkan pelarasan dan transformasi perniagaan, seterusnya memastikan kelestarian dan daya saing jangka panjang. Pembiayaan ini adalah satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM400 juta.
- Melalui program ini, pelanggan akan ditawarkan produk Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i) berasaskan Tawarruq pada kadar tetap.
- Pembiayaan ini ditawarkan kepada PKS Malaysia yang terlibat dalam mana-mana sektor atau aktiviti berkaitan pelancongan dan/atau PKS yang dlesenkan atau berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC).
- Sektor atau aktiviti pelancongan yang layak termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam Dasar Pelancongan Negara 2020 -2030*, seperti berikut:

• Eko-pelancongan	• Pelancongan kebudayaan dan warisan	• Pelancongan bandar	• Pelancongan rentas sempadan
• Pelancongan pengembaraan	• Pelancongan berasaskan komuniti	• Pelancongan membeli-belah	• Pelancongan desa/agro
• Pelancongan belia	• Pelancongan pulau	• Pelancongan perubatan dan kesejahteraan	• Pelancongan pelayaran
• Pelancongan sukan	• Pelancongan pesisir pantai	• Pelancongan mesra Muslim	• Pelancongan minat khas
• Pelancongan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE)			

Sektor atau aktiviti pelancongan yang dinyatakan di atas adalah sebagai panduan tidak menyeluruh dan adalah tepat pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dinasihatkan untuk merujuk terus kepada dokumen Dasar Pelancongan Negara yang diterbitkan oleh MOTAC bagi mendapatkan maklumat yang paling terkini.

Nota: *Seperti yang diterbitkan oleh MOTAC Dasar Pelancongan Negara 2020–2030, boleh diakses di: <https://motac.gov.my/en/download/category/114-dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030>

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi program ini adalah Tawarruq yang terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan pelanggan membeli komoditi daripada Bank Islam (yang juga bertindak sebagai ejen pembelian pelanggan) secara Murabahah (harga kos berserta keuntungan) pada Harga Jualan Bank Islam. Kemudiannya, pelanggan (melalui Bank Islam yang bertindak sebagai ejen jualan), menjual komoditi kepada pihak ketiga pada harga kos secara tunai dan serta merta, dan hasil jualan diberikan kepada pelanggan. Pelanggan perlu membayar Harga Jualan Bank Islam mengikut terma yang telah dipersetujui.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun pembiayaan anda = **RM500,000.00**
- Ansuran bulanan anda = **RM6,719.93**
- Tempoh pembiayaan anda = **7 tahun**
- Harga Jualan Bank = **RM564,474.12**
- Kadar Keuntungan = **3.50% setahun** (termasuk fi jaminan)

Keseluruhannya, anda akan membayar sebanyak RM564,474.12 pada akhir 7 tahun.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem** : 0.50% daripada jumlah pembiayaan.
- Fi ejen**: RM50.00.
- Yuran guaman** : Yuran guaman dan pengeluaran termasuk fi kepada firma guaman untuk penyediaan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrutan (jika berkenaan)
- Caj bayaran lewat**: 1.00% setahun ke atas ansuran tertunggak
- Fi jaminan yang dikenakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)**: Sehingga 0.50% setahun daripada jumlah perlindungan sehingga tamat tempoh pembiayaan dan fi jaminan bergantung kepada skim SJPP. [Tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 8.00%]

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar **ansuran bulanan** anda tepat pada masanya dan secara penuh selama 7 tahun. Hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda

VI. **Pembatalan pembiayaan:** Semua kos yang ditanggung oleh Bank Islam, jika ada, bagi penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti serta perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan selepas pembatalan

Nota: Sila rujuk laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com/> untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

'Lock in period' tidak terpakai bagi kemudahan ini dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertanggung setelah penyelesaian penuh dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj pampasan/ Ta'widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami berhak mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan melaksanakan semua remedi yang tersedia di bawah perjanjian sekuriti.
- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- V. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Anda dikehendaki untuk maklumkan kepada kami sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan anda.
- Perlindungan Takaful adalah pilihan, namun anda atau pembekal anda digalakkan untuk melanggan, mana-mana perlindungan Takaful yang sesuai.
- Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran untuk membolehkan anda meneruskan penyerahan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu, pemilik tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami di
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan:

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui bahawa Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS ini.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh: